

# Pelancongan: Kita boleh belajar dari Carribean

ST. LUCIA 2 Dis. Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia boleh banyak belajar dari kemajuan industri pelancongan di sini dan negara-negara kecil kepulauan Carribean yang menjadi daya tarikan pelancong seluruh dunia.

"Mereka telah lama maju dalam industri pelancongan dan dapat tukaran asing melalui industri pelancongan," tambahnya.

Beliau yang baru sahaja tiba di sini hari ini dalam rangka lawatan bekerja selama tiga hari ketika menjawab soalan para wartawan Malaysia menatakan bahawa Malaysia boleh belajar cara-cara yang digunakan di sini dalam memajukan industri pelancongan.

Ini berikutan langkah agresif Malaysia untuk memajukan industri pelancongan terutama di pulau-pulau seperti Langkawi untuk menjadi destinasi pelancongan yang menarik.

"Kita dapat belajar banyak dari mereka dalam industri pelancongan dengan pembinaan hotel-hotel yang sederhana. Mereka telah lama berada dalam industri ini dan mungkin kita dapat belajar sesuatu dari mereka dalam industri ini," katanya.

Beliau berkata, Malaysia tidak jauh berbeza dengan gugusan kepulauan Carribean dan jika mereka dapat menarik pelancong maka kita juga boleh menarik pelancong datang



**K-15**

**SUHAIMI MOKHTAR**

Melapor dari  
**CARACAS**

ke negara kita.

Dato' Sri Dr. Mahathir menyatakan lawatannya ke St. Lucia adalah dalam konteks untuk mengenali lebih dekat kawasan Carribean yang walaupun negara-negara ini kecil dan tidak mempunyai potensi besar dari segi perdagangan tetapi Malaysia mesti merapatkan din dan berbaik-baik dengan negara-negara kecil.

"Kita tidak boleh merapatkan diri kerana perdagangan semata-mata, apa yang penting kita mempunyai banyak kawasan dan apabila kita menghendaki kawan kita sentiasa ada kawan," katanya.

Tambahnya, kita merapati negara-negara kecil kepulauan ini kerana mungkin kita dapat menolong mereka untuk member-i bantuan teknika yang mereka perlukan seperti dalam bidang pentadbiran dan kewangan.

St. Lucia yang terletak di gugusan kepulauan Carribean yang ditemui oleh ahli pelayaran Christopher Columbus pada tahun 1502, panjangnya 27 batu dan lebar 14 batu dengan penduduk berjumlah 140,000 dan mempunyai lebih 100 pantai-pantai yang menarik para pelancong.

St. Lucia mendapat kemerdekaan pada tahun 1979 dan mempunyai sistem kerajaan demokrasi berparlimen serta menjadi anggota Komanwel dengan Ratu Elizabeth sebagai Ketua Negara dan Gabenor Jeneral sebagai wakilnya. Kuasa eksekutifnya dipegang oleh Perdana Menteri dan kabinetnya. Pilihanraya diadakan tiap lima tahun sekali.

Ekspor St. Lucia yang terbesar ialah pisang selain dari pelancongan menjadi pendapatan tukaran asing yang besar.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kepulauan Carribean adalah kawasan penting dan kita harus mengkaji potensi yang wujud kerana selama ini kita tidak mempunyai hubungan langsung dengan mereka selain melalui Komanwel.

"Kita boleh belajar dari mereka dan mereka boleh belajar dari kita dan dalam jangka panjang mungkin satu hari nanti banyak peluang pelaburan dan pelancongan di kawasan Carribeani ini," tegasnya.

Menurut Perdana Menteri, lawatannya adalah untuk mengetahui lebih terperinci mengenai ekonomi negara-negara kecil gugusan kepulauan Carribean untuk mengadakan kerjasama yang rapat bukan sahaja dengan St. Lucia tetapi dilanjutkan ke pulau-pulau kecil yang lain. Perdana Menteri akan mengakhiri lawatannya yang singkat ke Barbados sebelum berlepas pulang ke tanah air melalui London dan dijangka tiba di Kuala Lumpur pada 5 Disember ini.

Ketibaan Perdana Menteri di lapangan terbang Vigi, Castries, St. Lucia, disambut oleh Perdana Menteri St. Lucia John Comptan dan isterinya serta beberapa orang menteri kabinet dan pemimpin pembangkang Julian R. Hunte dan isterinya.

Menteri-menteri kabinet yang turut menyambut Perdana Menteri ialah: Menteri Perdagangan George Mallet dan isterinya; Menteri Luar Neville Cenac dan isteri serta Menteri Kesihatan, Romanus Lansiquot dan isteri.

Malam ini Dato' Sri Dr. Mahathir diraikan dalam majlis makan malam oleh Perdana Menteri St. Lucia. Esok Dato' Sri Dr. Mahathir akan melakukan kunjungan muhibah kepada Pemangku Gabenor Jeneral, Francis James dan Puan Lucille James di rumah kerajaan, residensi Pemangku Gabenor Jeneral.

Perdana Menteri akan mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri John Comptan sebelum melawat pembangunan Marina Rodney Bay. Turut serta dalam lawatan itu ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Utama, Tan Sri Wong Kum Choon, Duta Dato' M.M Sathiah, Timbalan Ketua Setiausaha (Ekonomi) Kementerian Luar, Encik Dennis Ignatius, Encik Tham Sing Khaw, Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Caracas, Venezuela dan beberapa orang pegawai lain.

Selepas makan tengah hari yang akan diberikan oleh pihak swasta, Perdana Menteri dan rombongan akan melawat Pusat Penyelidikan Pisang di Winban (Banana Velley).

Perdana Menteri dan anggota rombongan akan diraikan dalam satu resepsi yang diberikan oleh Pemangku Gabenor Jeneral di hari kedua lawatannya.